


Sheik: Tumpu pada lawan, bukan faktor luaran

Berita Harian, 11 November 2011, Page 26

 Article also available on Microfilm Reel NL31697

Printer-Friendly Page

Sheik: Tumpu pada lawan, bukan faktor luaran

SILAT

- Oleh : SAFHRAS KHAN.

PASUKAN silat kini berada pada tahap fizikal yang tinggi dan sudah bersedia turun ke gelanggang apabila acara ini dipertandingan mulai esok.

Namun, pengurus pasukan Singapura, Sheik Alauddin Yacoob, berkata anak buahnya harus memberi tumpuan kepada pertarungan mereka dan tidak harus dipengaruhi faktor seperti para penyokong lawan memesongkan fokus mereka.

Dari segi fizikal dan mental, menurut Sheik, para pesilat negara sudah cukup bersedia.

“Saya hanya perlu mengingatkan mereka supaya memberi tumpuan untuk menang dan jangan biarakan apa-apa menghantui fikiran mereka,” kata Sheik ketika ditemui di Gelanggang Pencak Silat Padepokan, Jakarta Timur, di mana acara itu akan diadakan, semasa sesi latihan dan menimbang berat badan para pesilat pagi semalam.

Sheik, yang memenangi pingat perak di tempat yang sama pada 1997, berkata kesemua pesilatnya dahagakan kejayaan.

Ramai daripada pesilat negara, jelasnya, pernah bertanding di Padepokan dan ini dijangka membantu mereka secara keseluruhannya.

Sementara itu, para pesilat telah mengambil masa sekitar dua jam untuk berlatih di Gelanggang Pencak Silat Padepokan semalam.

Selain daripada senaman bersama, mereka juga mengadakan sesi *sparring* antara satu sama lain.

Ketika ditemui, kapten pasukan negara, Md Shakir Juanda, berkata semangat pasukan semakin meninggi.

“Kami semakin ghairah dan kini kehangatan Sukan SEA sudah dapat dirasakan,” kata Shakir.

Sebagai kapten pasukan, Shakir harus memainkan peranan bukan sahaja sebagai pembakar semangat, malah sebagai ‘abang sulung’ kepada beberapa pesilat negara yang bakal bertanding buat kali pertama di temasya ini.

Semasa dihampiri wartawan selepas sesi latihannya semalam, Shakir sedang memerhatikan pasukan Vietnam yang turut menghangatkan badan mereka.


Matanya melihat setiap gerak geri pasukan tersebut.

“Saya tewas kepada pesilat Vietnam sebelum ini dan kali ini saya ingin mengatasi mereka untuk pulang dengan pingat emas.

“Ini peluang saya dan saya akan memberikan yang terbaik,” katanya dengan penuh yakin.

Ditanya adakah beliau akan pulang dengan emas, Shakir sambil tertawa kecil dan memandang ke arah wartawan, berkata:

“Kalau saya menang, jersi negara saya ini akan saya beri kepada awak!” – **Oleh SAFHRAS KHAN.**



TIMBANG BERAT BADAN: Pesilat harapan negara, Muhammad Shakir Juanda, menjalani sesi menimbang berat badan yang diadakan di Gelanggang Pencak Silat Padepokan, Jakarta Timur, Indonesia. – Foto ZAINAL YAHYA

• Foto ZAINAL YAHYA